



**ARAHAN YAB KETUA MENTERI  
NO. 1 TAHUN 2023**

**PEMANTAPAN  
GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH  
DALAM PENTADBIRAN NEGERI SABAH  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**PEKELILING INTEGRITI PERKHIDMATAN NEGERI SABAH  
(PIPANS)**

**JULAI 2023**

## 1. TUJUAN

- 1.1. Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk mewujudkan, menetapkan pelaksanaan dan kawal selia Pekeliling Integriti Perkhidmatan Negeri Sabah (PIPANS).
- 1.2. Bagi maksud Arahan ini, “**Pentadbiran Negeri Sabah**” merangkumi Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri, Syarikat Berkaitan Kerajaan (SBK) dan mana-mana entiti lain di bawah kawalan atau kepentingan Kerajaan Negeri Sabah.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pemantapan mekanisme pengurusan governans, integriti dan antirasuah kebangsaan dicapai melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 yang mendukung usaha memperkukuh Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan. Usaha ini direalisasikan melalui pembentukan inisiatif Pemantapan **Governans, Integriti dan Antirasuah (GIA)** dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan bagi menggantikan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan.
- 2.2. Pengurusan integriti turut diperkukuh melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Versi 1.0 (2022) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia melalui Ceraian SP.1.2.1 mengenai Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam.

- 2.3. Seajar dengan itu, Kerajaan Negeri Sabah menzahirkan komitmen untuk memastikan sistem pentadbiran negeri dapat berfungsi dengan berkesan serta bebas daripada ancaman rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan berlandaskan prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan sekali gus meningkatkan imej negeri Sabah sebagai sebuah negeri yang cekap, berintegriti dan cemerlang tadbir urusnya.
- 2.4. Bagi menyokong inisiatif yang dilaksanakan di peringkat persekutuan dan diselaraskan mengikut keperluan negeri Sabah, maka **Arahan YAB Ketua Menteri** ini diperkenalkan bagi **memantapkan pelaksanaan GIA dalam Pentadbiran Negeri Sabah.**

### 3. OBJEKTIF PIPANS

PIPANS disediakan bagi mencapai keperluan-keperluan seperti yang berikut:

- 3.1 Menyediakan hala tuju dan kerangka pelaksanaan GIA yang berstruktur dan jelas;
- 3.2 Mewujudkan sinergi antara pelbagai agensi dalam memaksimumkan penggunaan pelbagai sumber dan idea dalam tindakan pemantapan GIA;
- 3.3 Meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekali gus mengurangkan amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan; dan

3.4 Meningkatkan imej negeri sebagai sebuah negeri yang cekap, berintegriti dan cemerlang tadbir urusnya.

#### 4. PENGENALAN PIPANS

PIPANS diperkenalkan bagi:

- 4.1. **mewujudkan keseragaman pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif GIA dalam Pentadbiran Negeri Sabah;**
- 4.2. **membudayakan dan menginstitusikan GIA dalam Pentadbiran Negeri Sabah;** dan
- 4.3. **mempelopori, menerajui dan menjadi penanda aras usaha pemantapan GIA di negara ini.**

#### 5. PELAKSANAAN PIPANS

PIPANS hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

- 5.1 PIPANS hanya boleh **dikeluarkan** oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa; dan
- 5.2 PIPANS hanya boleh **dipinda atau dibatalkan** dengan persetujuan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

## 6. KAWAL SELIA DAN PELAPORAN

- 6.1 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah (BIGoNS) adalah dipertanggungjawabkan untuk berperanan dalam mengawal selia, menetapkan siri dan nombor bilangan, menyelaras dan memantau pelaksanaan PIPANS.
- 6.2 BIGoNS dikehendaki mengemukakan pelaporan pelaksanaan PIPANS dari semasa ke semasa sebagaimana diperlukan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

## 7. PENUTUP

- 7.1. PIPANS merupakan dokumen dasar GIA yang dibangunkan bagi memastikan **Pentadbiran Kerajaan Negeri** dilaksanakan dengan cekap dan efektif berlandaskan kecemerlangan tadbir urus yang berintegriti ke arah mencapai **HALA TUJU SABAH MAJU JAYA**.
- 7.2. PIPANS hendaklah dilaksanakan dengan penuh komited oleh semua pihak bagi memastikan aspirasi Kerajaan Negeri Sabah **untuk membina tanah air yang lebih maju dan makmur** tercapai. Kepimpinan tertinggi **Pentadbiran Negeri Sabah dikehendaki memberi keutamaan** ke atas pelaksanaan, pemantauan, penguatkuasaan, penilaian dan pelaporan PIPANS secara berterusan.

## **8. TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh dikeluarkan.

Sekian.



**( DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR )**

**Ketua Menteri Sabah**

**Tarikh: 03 Julai 2023**